

MUALAF IN SABAH: A STUDY ON THE FACTORS BEHIND THE INCREASE IN MUALAFS AND THE CHALLENGES THEY FACE

MUALAF DI SABAH: KAJIAN TERHADAP FAKTOR PENINGKATAN MUALAF DAN CABARAN YANG MEREKA HADAPI

Zaifuddin Md Rasip ⁱ, Issraq Ramli ⁱⁱ & Amer Hudhaifah Hamzah ⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. zaifuddin@ums.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Univesiti Malaysia Sabah. issraq@ums.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. amerukun@ums.edu.my

Article Progress

Received: 1 October 2024

Revised: 15 January 2025

Accepted: 17 January 2025

| | |
|-----------------|--|
| Abstract | <p><i>Sabah, known for its diversity in ethnicity, culture, and religion, has experienced a significant increase in the number of Muslim converts (mualaf) over the past few decades. This study aims to investigate the factors driving the rise in the number of mualaf in Sabah and the challenges they face after embracing Islam. The research employs a qualitative design with a mixed-method approach, incorporating both quantitative and qualitative data analysis. Quantitative data were obtained from the registration records of mualaf provided by authoritative documents such as the Sabah Islamic Religious Affairs Department (JHEAINS) for the period from 2010 to 2023. Qualitative data, on the other hand, were collected through semi-structured interviews with mualaf. Data analysis involved thematic analysis to identify key themes related to the factors influencing conversion to Islam and the challenges faced by mualaf. The study identifies several key factors influencing individuals' decisions to convert to Islam, including exposure through media, dakwah programs, and social interactions with the Muslim community. It also evaluates the main challenges faced by mualaf, such as social adaptation, cultural conflicts, and family-related issues. The findings reveal a significant increase in the number of mualaf in Sabah, but they also highlight various challenges, including insufficient social support, difficulties in adapting to a new culture, and issues related to integration within the Muslim community. This study hopes to provide valuable insights for improving support systems and integration strategies for mualaf in Sabah, enabling them to fully embrace and practice Islamic teachings while serving as agents of Islamic outreach in the future</i></p> <p>Keywords: <i>Challenges Faced by Mualaf, Da'wah, JHEAINS, Mualaf, USIA</i></p> |
| Abstrak | <p><i>Sabah terkenal dengan kepelbagaian etnik, budaya dan agama, telah menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah mualaf dalam beberapa dekad terakhir. Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki faktor-faktor yang mendorong peningkatan bilangan mualaf di Sabah serta cabaran yang dihadapi selepas mereka memeluk agama Islam. Metode kajian yang digunakan adalah reka bentuk kualitatif dengan pendekatan campuran, yang melibatkan analisis data kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperolehi</i></p> |

| | |
|--|---|
| | <p><i>daripada rekod pendaftaran mualaf yang diperoleh daripada dokumen pihak berautoriti seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dalam tempoh 2010 hingga 2023. Data kualitatif pula dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dengan mualaf. Analisis data melibatkan kaedah analisis tematik untuk mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan faktor pemeluk Islam dan cabaran yang dihadapi oleh mualaf. Kajian ini mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi keputusan individu untuk menjadi mualaf, termasuk pendedahan melalui media, program dakwah, dan interaksi sosial dengan masyarakat Islam. Kajian ini juga menilai cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh mualaf, seperti penyesuaian sosial, konflik budaya, dan isu-isu berkaitan keluarga. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan ketara dalam bilangan mualaf di Sabah, tetapi mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran, termasuk sokongan sosial yang tidak mencukupi, kesulitan dalam menyesuaikan diri dengan budaya baru, dan isu-isu berkaitan integrasi dalam komuniti Islam. Kajian ini diharapkan dapat memberikan wawasan yang berguna untuk memperbaiki sistem sokongan dan strategi integrasi bagi mualaf di Sabah agar dapat menghayati serta mengamalkan ajaran Islam dan berperanan sebagai agen pendakwah Islam di masa hadapan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Cabaran Mualaf, Dakwah, JHEAINS, Mualaf, USIA</i></p> |
|--|---|

PENDAHULUAN

Sabah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang terletak di utara Pulau Borneo. Sabah juga merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan keluasan 72,500 km persegi, bersempadan dengan wilayah Kalimantan Indonesia, negeri Sarawak dan Labuan. Semasa penjajahan Syarikat Berpiagam Borneo Utara, Sabah dikenali sebagai North Borneo (Borneo Utara), nama Sabah pula mulai dipakai semula ketika proses kemerdekaan melalui pembentukan Malaysia pada tahun 1963 (Sharifah Sari et.al., 2022).

Bilangan umat Islam di Malaysia umumnya dan di Sabah khususnya, telah mengalami pertumbuhan yang signifikan dalam beberapa dekad kebelakangan ini, terutamanya disebabkan oleh peningkatan jumlah mualaf (JHEAINS, 2024). Fenomena ini menambah kepelbagaian kepada landskap keagamaan negara dan mencerminkan dinamika budaya serta sosial yang berkembang. Peningkatan jumlah mualaf di Sabah telah menjadi fokus kajian para penyelidik, pendakwah, dan pihak berkuasa tempatan untuk memahami faktor-faktor yang mendorong pertumbuhan komuniti ini.

Perkataan mualaf berasal daripada kata kerja (أَلَفَ) yang bermaksud melembut dan melunakkan. Menurut Kamus Dewan (Edisi keempat, 2010) pula, mualaf adalah orang yang baru memeluk Islam atau saudara baharu. Umumnya di Malaysia seseorang dipanggil mualaf ialah orang yang dilahirkan dalam bukan agama Islam tetapi kemudiannya mengambil keputusan untuk memeluk agama Islam. Menurut Suraya (2005), istilah mualaf merujuk kepada mereka yang menjalani proses penukaran agama, melibatkan perubahan atau peralihan dalam kepercayaan. Gelaran mualaf ini biasanya digunakan kepada mereka yang berpindah agama daripada agama selain Islam kepada agama Islam walaupun mereka telah menjadi Muslim untuk jangka masa yang panjang, seperti 10 hingga 15 tahun (Irwan et. al., 2015).

Sabah terkenal dengan kepelbagaian etnik, budaya, dan agama. Sebagai negeri berbilang kaum, Sabah memperkayakan landskap sosio-budaya Malaysia. Negeri ini dihuni oleh lebih daripada 33 kumpulan pribumi yang berkomunikasi dalam lebih daripada 50 bahasa dan dialek (Mohd Nur Hidayat & Iknor Azli, 2017). Kumpulan-kumpulan ini termasuk Kadazan, Bajau, Iranun, Kedayan, Bisaya, Tidong, Rungus, Sungai, dan lain-lain. dan mencerminkan keharmonian antara pelbagai komuniti. Sharifah Darmia (2020) menekankan bahawa Sabah dianggap sebagai negeri yang unik di Malaysia kerana

kepelbagaian kumpulan etniknya yang kaya, masing-masing dengan amalan kebudayaan, kepercayaan, warisan seni, dan agama yang tersendiri.

Sebelum kedatangan Islam dan Kristian, penduduk pribumi Sabah mengamalkan animisme. Mereka percaya bahawa setiap unsur alam - seperti batu, pokok, dan objek semula jadi lain - memiliki roh dan semangat. Sistem kepercayaan animistik ini menunjukkan bahawa dunia semula jadi sangat berkait rapat dengan kehidupan rohani dan harian mereka (Mohd Nur Hidayat et. al., 2021).

Namun kehidupan masyarakat Sabah mula berubah seiring dengan penyebaran agama Islam dan Kristian di kawasan tersebut, di mana mereka mula mengamalkan kehidupan berdasarkan ajaran agama yang dianuti. Sabah turut mencatatkan sejarah perkembangan agama yang tersendiri yang tidak ditemui dalam catatan sejarah perkembangan agama di negeri-negeri lain di Malaysia (Nur Azian & Nur Farhana, 2022).

Islam mula bertapak di Sabah sebelum kemerdekaan, sekitar abad ke-10 melalui Kepulauan Sulu. Menurut Cesar Adib Majul (1973), pedagang Arab berhijrah ke Mai (Mindoro) di Kepulauan Sulu dan juga berkunjung dari Mai ke Canton (kini Guangzhou), China. Penemuan batu nisan bertarikh 1310 M di Bud Dato, Jolo, menunjukkan bahawa Islam telah tersebar lebih awal daripada pengenalan oleh Sharif Awliya' Karim al-Makhdum pada 1380 M (Muhiddin, 1990). Kedatangan Islam telah mengubah kepercayaan masyarakat pribumi Sabah, yang pada asalnya mengamalkan animisme (Khairulnazrin & Muhammad Syafee, 2018).

Perkembangan Islam di Sabah semakin pesat pada tahun 1970-an di bawah pimpinan YAB Tun Datu Mustapha. Penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada 16 Ogos 1969 memberi impak besar dalam meningkatkan bilangan umat Islam di Sabah (Suraya, 2005). Usaha terancang USIA di kawasan bandar dan luar bandar bukan sahaja meningkatkan jumlah umat Islam biasa, tetapi juga menarik ahli politik bukan Islam untuk memeluk Islam (Mohd Nur Hidayat & Iknor Azli, 2019). Ini membawa kepada fenomena pengislaman secara besar-besaran (Suraya et al., 2019), dengan jumlah umat Islam meningkat dari 38.7% pada tahun 1967 kepada 53% pada tahun 1976 (Mohd Nur Hidayat et al., 2020). Bilangan umat Islam di Sabah pada tahun 2024 telah mencecah sebanyak 69.9%. Dengan peratus ini Sabah menduduki tangga ke enam menurut peratusan penganut Islam mengikut negeri-negeri di Malaysia. Manakala mengikut bilangan pengaut Islam, Sabah menduduki tangga ke dua selepas Selangor.

Usaha dakwah di Sabah terus subur dan marak dengan sokongan badan-badan kerajaan seperti JAKIM, JHEAINS, MUIS, YADIM dan pelbagai NGO yang aktif mempromosikan Islam seperti Hidayah Center Foundation (HCF), Pertubuhan Kadasan Dusun Murut Rungus dan Sungai Muslim (KDMRS Muslim) dan Pertubuhan Islam Mualaf Rungus (PIMRUS). Sokongan daripada badan-badan ini bukan sahaja memperkuat lagi usaha dakwah, tetapi juga membantu dalam membina masyarakat yang lebih memahami dan menghargai nilai-nilai Islam di Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat kajian terdahulu yang telah membincangkan peningkatan sejarah umat Islam di Sabah dan isu-isu berkaitan dengan mualaf di Sabah, contohnya, kajian oleh Suraya (2005), Abd Hadi Borham et al. (2021). Namun demikian kajian ini lebih tertumpu pada sejarah awal dan peranan USIA dalam peningkatan jumlah umat Islam sejak tahun 1970 tanpa secara khusus menangani faktor-faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ini. Kajian yang melibatkan tentang cabaran yang dihadapi oleh mualaf di Sabah sebelum dan selepas pengislaman serta faktor-faktor yang mendorong peningkatan bilangan mualaf secara terperinci, masih kurang dibincangkan.

Mohd Nur Hidayat et. al., (2021) membicarakan bagaiman gerakan-gerakan dakwah yang berterusan sebelum merdeka merupakan antara faktor peningkatan bilangan umat Islam di Sabah seterusnya menyumbang kepada perubahan komposisi Muslim di Sabah. Keadaan ini bertambah jelas di era gerakan dakwah besa-besaran yang dilakukan oleh pertubuhan USIA di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha. Melalui gerakan dakwah

tersebut telah berlaku peningkatan yang drastik dan signifikan bagi komposisi Muslim di Sabah. Secara langsung komposisi Muslim telah berubah daripada yang dulunya merupakan kumpulan minoriti menjadi kumpulan majoriti di Sabah.

Metode dakwah sangat penting untuk memastikan penerimaan masyarakat terhadap dakwah yang disampaikan. Kajian Ning Amirah (2020), mendapati Ustazah Lilis Mulyani di Kota Kinabalu menggunakan pendekatan beragama, berdakwah seterusnya berjaya membimbing golongan muallaf dalam memahami Islam. Metode dakwah yang diterapkan meliputi Dakwah *Bil-Lisan* (komunikasi langsung), Dakwah *Bil-Hikmah* (bijaksana dan tidak memaksa), *Mau'idzatul Hasanah* (nasihat positif), dan *Mujadalah Bil-lati Hiya Ahsan* (diskusi lembut). Metode ini telah menarik masyarakat pribumi untuk memeluk Islam seterusnya dapat memastikan pemahaman yang mendalam dan praktis bagi para muallaf.

Nur Azian dan Nur Farhana, (2022) mendapati hubungan antara masyarakat beragama di Sabah adalah harmonis, tetapi menghadapi pelbagai cabaran seperti pertukaran agama akibat perkahwinan campur, dakwah besar-besaran era pemerintahan USNO, dan isu pengesahan status agama anak. Kajian ini juga mendapati masih kurang kajian ilmiah dilakukan berkaitan cabaran mengekalkan keharmonian agama, isu sensitif agama di Sabah, dan pengurusan konflik, yang perlu diberi perhatian untuk kajian seterusnya.

Majid, Abdullah dan Ismail (2017), mendapati faktor utama dorongan golongan muallaf memeluk Islam di Selangor adalah kebenaran Islam yang ditemui melalui kajian, pemerhatian, atau ilham. Ketiadaan maklumat yang tepat tentang Islam memperlambat penerimaan dakwah oleh mereka yang belum Islam. Justeru itu perlu ada usaha yang lebih giat dalam menerangkan Islam kepada golongan belum Islam, membetulkan salah faham yang ada, dan meningkatkan aspek psikososial dan biopsikososial yang telah diusahakan oleh para pendakwah. Kajian ini juga boleh dimanfaatkan dalam konteks dakwah di Sabah.

Terdapat banyak salah faham masyarakat bukan Islam terhadap Islam, yang perlu dijelaskan agar mudah mereka menerima Islam. Di Malaysia umumnya, masyarakat pelbagai bangsa seperti Cina dan India sering mempunyai salah faham mengenai memeluk Islam sering dianggap sebagai "masuk Melayu". Justeru itu ada salah faham ini boleh memutuskan hubungan kekeluargaan, terutama dalam kalangan masyarakat yang memegang teguh ajaran tradisional seperti Konfusisme dan Hindu. Kajian Nur A'thiroh (2021), contohnya, tindakan memeluk Islam sering dianggap sebagai "masuk Melayu" oleh masyarakat Cina, bukan sebagai perubahan agama sahaja. Persepsi ini memerlukan usaha diplomasi untuk menjelaskan perbezaan antara memeluk Islam dan menjadi Melayu. Selain itu, terdapat tanggapan salah bahawa Islam berkembang melalui keganasan, yang menyebabkan kebencian terhadap agama ini. Usaha perlu dilakukan untuk mengatasi salah faham ini dan menjelaskan bahawa Islam mengajarkan keamanan dan hormat antara keluarga.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif dengan pendekatan kajian kepustakaan dan temu bual separa berstruktur untuk meneliti faktor peningkatan jumlah muallaf dan cabaran yang dihadapi oleh mereka di Sabah. Data diperoleh melalui analisis dokumen bahan primer seperti laporan rasmi, dokumen pihak berautoriti, dan statistik daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Temu bual telah dijalankan dengan 7 orang muallaf untuk mendapatkan perspektif mendalam tentang faktor pengislamannya dan cabaran yang mereka hadapi pasca pemeluk Islam. Bahan sekunder terdiri daripada jurnal, artikel ilmiah, buku, tesis, dan laporan NGO yang relevan. Instrumen kajian melibatkan senarai semak untuk menilai kesesuaian literatur, panduan soalan temu bual untuk memastikan data daripada responden sejajar dengan objektif kajian, dan analisis tematik digunakan bagi mengenal pasti tema utama yang berkaitan dengan faktor pemeluk Islam, cabaran integrasi, serta peranan agensi kerajaan dan NGO. Data yang diperolehi daripada temu bual

direkodkan, ditranskripkan, dan dianalisis secara tematik, dengan proses triangulasi dijalankan untuk memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan data. Data dianalisis secara deskriptif dan komparatif untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai isu yang dikaji, seterusnya menghasilkan saranan yang berpandukan kepada dapatan kajian terdahulu dan dokumen rasmi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti faktor-faktor utama yang mendorong peningkatan bilangan mualaf di Sabah.
2. Menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mualaf selepas memeluk Islam di Sabah.
3. Mengkaji peranan agensi kerajaan dan NGO dalam melaksanakan usaha dakwah serta memperkukuhkan proses bimbingan dan penghayatan Islam dalam kalangan mualaf di Sabah.

PENINGKATAN BILANGAN MUALAF DI SABAH

Negeri Sabah adalah unik kerana populasi penduduknya yang pelbagai etnik dan agama. Corak pertumbuhan populasi Muslim di Sabah berbeza dengan Semenanjung Malaysia, di mana mualaf biasanya bukan pribumi seperti Cina dan India. Berlainan pula di Sabah, mualaf kebanyakannya datang dari kumpulan pribumi, dikenali sebagai 'peribumi Sabah' (Suraya, 2005). Menurut data JHEAINS (2024) menunjukkan bahawa kumpulan etnik Kadazan Dusun mempunyai bilangan mualaf tertinggi setiap tahun, diikuti oleh Murut, Rungus, Sungai, dan lain-lain. Berikut ini adalah data peningkatan bilangan umat Islam di Sabah selepas mencapai kemerdekaan pada 1963 sehingga tahun 1980.

Jadual 1: Data peningkatan bilangan umat Islam di Sabah selepas mencapai kemerdekaan

| Bil | Agama | 1960 | 1970 | 1980 |
|-----|----------------|---------------|---------------|---------------|
| 1 | Islam | 17324 (38%) | 260945 (40%) | 487627 (51%) |
| 2 | Kristian | 75247 (17%) | 157422 (24%) | 258606 (27%) |
| 3 | Buddha | | 63313 (10%) | 78868 (8%) |
| 4 | Hindu | | | 2896 (0.3%) |
| 5 | Lain-lain | 206740 (46%) | 206740 (46%) | 65078 (7%) |
| 6 | Tidak beragama | | | 57481 (6%) |
| 7 | Jumlah | 454311 (100%) | 454311 (100%) | 950556 (100%) |

Sumber: Daripada North Borneo Census & Banci Penduduk & Perumahan Malaysia

Statistik ini memperlihatkan pertumbuhan yang ketara dalam jumlah umat Islam berbanding penganut agama lain di Sabah antara tahun 1960 hingga 1980. Peratusan umat Islam meningkat daripada 38% (17,324 orang) pada tahun 1960 kepada 40% (260,945 orang) pada tahun 1970, dan seterusnya mencapai 51% (487,627 orang) pada tahun 1980. Peningkatan ini berkait rapat dengan intensifikasi usaha dakwah selepas penubuhan USIA (Zaifuddin Md Rasip, 2024).

Usaha dakwah yang berterusan telah menyebabkan bilangan umat Islam di Sabah terus meningkat. Menurut Portal Rasmi JAKIM (2023), Data Statistik Pemeluk Islam dari tahun 2010 hingga 2018, jumlah keseluruhan individu yang memeluk Islam di setiap negeri di Malaysia adalah seramai 89,102 orang. Daripada jumlah ini, negeri Sabah mencatatkan jumlah pemeluk Islam tertinggi, iaitu seramai 20,115 individu. Angka yang signifikan ini menunjukkan Sabah sebagai negeri yang mendahului negeri-negeri lain di Malaysia dari segi bilangan mualaf (Nur A'thirah, 2021).



Data tersebut menunjukkan bahawa bilangan mualaf di Sabah meningkat secara konsisten setiap tahun. Kadar pertambahan mualaf melebihi 1,000 orang setiap tahun, dan dalam beberapa tahun tertentu, peningkatan ini mencecah lebih dari 2,000 orang. Data dari 2019 hingga 2023 menunjukkan jumlah kumulatif sebanyak 9,582 mualaf, hampir mencapai 10,000 dalam tempoh kira-kira lima tahun (Aliakbar, 2024).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Faktor Peningkatan Mualaf Di Sabah

Sabah adalah sebuah negeri yang dikenali dengan keunikan sikap toleransi dan saling menghormati masyarakatnya walaupun terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, dan agama, namun masyarakat Sabah mampu menjalani kehidupan secara damai dan harmoni. Pada masa yang sama jumlah mereka yang memeluk Islam di Sabah sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Berikut ini adalah faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan bilangan mualaf di Sabah.

Peningkatan Aktiviti Dakwah

Sabah mengalami kemajuan yang pesat dari sudut rohani semenjak mengecapi kemerdekaan pada tahun 1963. Perkara ini dibuktikan apabila dilihat peningkatan usaha dakwah dan ia terus subur hari demi hari. Usaha dakwah tersebut bukan hanya dilakukan secara individu sahaja bahkan ia bergerak secara berpasukan dalam satu barisan. Ramai kalangan tokoh-tokoh agamawan Islam berganding bahu untuk menyusun strategi mengembangkan Islam di negeri ini sebaik sahaja memasuki awal abad ke-20 Masihi. Antara gerakan dakwah yang wujud adalah Persatuan Islam Putatan (PIP) yang diasaskan oleh Haji Ag Sahari Abd. Latif, Persatuan Islam Tawau (PIT) yang dipelopori oleh Orang Kaya-Kaya (OKK) Zainal Kerahu, dan Persatuan Islam Sabah (PIS) yang digerakkan oleh Datuk Haji. Mohd Kassim Bin Haji Hasyim (Syamruddin & Abd. Ghofur, 2017).

Namun, gerakan dakwah ini tidak bertahan lama kerana mereka masih bergerak secara bersendirian atau kelompok yang kecil. Menyedari keadaan ini, YAB Tun Datu Mustapha mengumpulkan tokoh-tokoh agama dari pelbagai gerakan Islam di Sabah untuk membincangkan hala tuju dakwah negeri. Akhirnya, semua gerakan ini disatukan di bawah USIA pada tahun 1970. Institusi pendidikan agama berkembang pesat di Sabah, dengan peningkatan bilangan masjid, surau, dan kelas agama anjuran JHEAINS yang memperkuatkan Islam di negeri ini (Surya et al., 2019). Sekolah agama, pondok, dan madrasah juga bertambah dengan pesat, dan permintaan daripada ibu bapa sangat tinggi

sehingga beberapa sekolah terpaksa menolak pendaftaran tambahan kerana kekurangan tenaga pengajar.

Dakwah di Sabah terus subur dengan program-program keagamaan semakin aktif, masjid dan surau semakin meriah melalui jadual kuliah bulanan dan sesi pengajian kitab. Aktiviti ini didorong oleh bilangan pendakwah yang semakin ramai dari Sabah, Semenanjung Malaysia, Indonesia dan Filipina (Mohd Nur Hidayat, 2022). Sebahagian daripada pendakwah ini juga berkhidmat dengan komuniti bukan Islam, menganjurkan aktiviti mesra, memberi hadiah semasa perayaan, dan menyediakan bantuan untuk menggalakkan bukan Islam memeluk Islam. Usaha dakwah yang pelbagai di Sabah telah menyebabkan peningkatan jumlah mualaf setiap tahun.

Perkahwinan Campur

Budaya kahwin campur sudah menjadi kebiasaan bagi sebahagian besar masyarakat di Sabah. Justeru budaya kahwin campur, menurut Aliakbar (2024), telah menyebabkan berlakunya pertambahan bilangan umat Islam dan sekaligus mewujudkan suatu jalur keturunan baharu yang beragama Islam bagi sesuatu etnik yang pada asalnya bukan beragama Islam seperti Kadazan Dusun.

Fenomena kahwin campur memberi sumbangan besar kepada pertambahan mualaf di Sabah. Kajian Suraya (2019) menunjukkan antara 1994 hingga 2004, 20,074 masyarakat Sabah memeluk Islam, dengan perkahwinan sebagai faktor utama. Ning Amirah (2020) juga mendapati perkahwinan sebagai penyebab utama mualaf memeluk Islam. Sejarah menunjukkan bahawa sebelum penguasaan British, pendakwah dan pedagang Arab mengahwini keluarga pemerintah di Sabah, memberi impak positif dalam pemerintahan (Abd Hadi et al., 2021). Hal ini mengukuhkan kenyataan bahawa perkahwinan sebagai salah satu metode dakwah yang ampuh dan berkesan. Kenyataan daripada informan #1, turut menguatkan dapatan ini. Menurutnya;

"Saya mula mendalami Islam setelah berkenalan dengan suami saya. Perkahwinan kami menjadi pintu saya untuk lebih memahami dan akhirnya memeluk agama Islam."

Jelaslah bahawa perkahwinan campur bukan sahaja menyumbang kepada pertambahan bilangan mualaf tetapi juga menjadi pintu kepada proses dakwah dan integrasi sosial antara masyarakat pelbagai etnik di Sabah

Pergaulan Dengan Rakan Dan Komuniti Muslim

Pengalaman pergaulan di kampung atau di sekolah telah membuka ruang kepada mualaf untuk mengenali lebih dekat tentang cara hidup dan agama masyarakat Muslim. Kajian Azaruddin dan Khadijah (2015), mendapati pengalaman tinggal bersama di perkampungan Muslim dan proses pergaulan dengan rakan-rakan Muslim telah membuka ruang yang luas kepada para mualaf untuk meneroka realiti kehidupan seharian yang berlaku dalam komuniti Muslim. Masyarakat yang berada dalam lingkungan sekolah, termasuk guru dan rakan-rakan Muslim memberi peranan yang besar dalam mendorong mereka memeluk Islam.

Kajian Mariam dan Ab Aziz (2020), mendapati pergaulan mualaf dengan kawan-kawan yang beragama Islam serta ustazah di sekolahnya yang telah menonjolkan akhlak yang telah memikat hatinya untuk memeluk Islam. Tambahan lagi, pengalaman tinggal bersama di perkampungan masyarakat Muslim menjadi pendorong yang kuat untuk mengenali serba sedikit hal ehwal agama Islam yang selanjutnya mendorong para mualaf untuk memeluk Islam. Hal ini demikian kerana tertarik dengan kehidupan orang Muslim yang saling membantu, mengamalkan konsep bekerjasama, bersikap harmoni, bergotong-royong dan kenduri-kendara. Nilai perpaduan yang wujud dalam kehidupan masyarakat Muslim memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat bukan Muslim. Kenyataan daripada informan #2, turut mengukuhkan dapatan ini. Menurut beliau;

"Saya mula tertarik kepada Islam melalui pergaulan rakan-rakan Muslim sewaktu belajar di kolej. Akhlak mereka yang baik, nilai hormat-menghormati, dan melihat mereka rajin sembahyang menjadi pendorong utama saya mendalami dan akhirnya memeluk Islam."

Jelaslah bahawa pergaulan dengan rakan dan komuniti Muslim tidak hanya memperkenalkan individu bukan Muslim kepada ajaran Islam tetapi juga memberikan gambaran praktikal tentang kehidupan seorang Muslim yang mendorong mereka untuk memilih Islam sebagai agama baharu mereka.

Keindahan Akhlak Islam

Antara faktor utama yang menarik penduduk Sabah untuk memeluk Islam adalah keterujaan mereka dengan akhlak yang diajarkan Islam. Benarlah apa yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW;

{ نَمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ }!

Maksudnya: *"Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan kesolehan akhlak"* (Hadis. al-Bayhaqi. *Syu'ab al-Iman*. 7609).

Salah satu faktor utama peningkatan muallaf di Sabah ialah daya tarikan terhadap akhlak Islam yang ditunjukkan oleh para pendakwah. Keprihatinan, ziarah menziarahi, tolong-menolong, dan bantuan material secara ikhlas telah membuat masyarakat bukan Islam merasa dihormati serta mengagumi keindahan akhlak Islam. Pendekatan ini memberi kesan mendalam kepada komuniti bukan Islam, membina rasa hormat dan kesediaan untuk mendekati Islam.

Sebagai contoh, di Kampung Pensiangan, Sabah, usaha dakwah oleh Mohd Fadli Yusof memainkan peranan besar dalam membawa masyarakat bukan Islam kepada Islam. Pendekatan beliau, yang menekankan dakwah *bil hal* (dakwah melalui perbuatan), merangkumi pembinaan hubungan baik melalui akhlak terpuji, seperti membina masjid, menziarahi penduduk, memberikan bantuan, dan hadir dalam majlis sosial. Keperibadian mesra dan komitmen beliau menarik perhatian penduduk kampung, menyebabkan ramai yang akhirnya memeluk Islam dan bahkan menghubunginya secara langsung untuk mengetahui cara memeluk agama ini (Abd Hadi & Fakhru Adabi, 2015). Informan #6 turut mengesahkan bahawa keputusan beliau memeluk Islam kerana tertarik dengan akhlak orang Islam. Beliau menyatakan,

"Saya sering bersama dengan rakan sekerja Muslim yang sangat baik hati dan sentiasa membantu. Keindahan akhlak mereka membuatkan saya tertarik untuk memahami lebih mendalam tentang Islam, dan akhirnya saya memutuskan untuk memeluk agama ini."

Jelaslah bahawa keindahan akhlak Islam bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai Islam yang luhur, tetapi juga menjadi pintu utama untuk menarik hati masyarakat bukan Islam di Sabah untuk memeluk agama Islam.

Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan Dan NGO

Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO di Sabah sangat baik dan memberi kesan yang sangat positif. Di Malaysia, individu yang memeluk Islam perlu didaftarkan secara rasmi di agensi kerajaan yang ditetapkan. Di Sabah, proses ini dilakukan melalui JHEAINS, yang bertanggungjawab merekodkan pengislaman dalam sistem (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). JHEAINS telah menubuhkan unit khusus dikenali sebagai 'unit pengislaman' untuk menguruskan segala hal berkaitan muallaf, dari pendaftaran hingga bimbingan kelas.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang menguruskan hal ehwal muafak. Namun, NGO juga turut terlibat dan mempunyai peranan tersendiri, selaras dengan kajian Mohd Aswan dan Abdul Ghafar (2021) yang menekankan kepentingan kerjasama dalam dakwah. Dana zakat untuk muafak, dari JAIN atau MAIN, sering disalurkan kepada NGO kerana kekurangan tenaga pengajar di agensi kerajaan. Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO membantu menyuburkan lagi aktiviti dakwah di Sabah.

JHEAINS melaksanakan pelbagai program untuk membantu muafak mendalami ilmu dan tanggungjawab sebagai Muslim, termasuk kursus pemantapan akidah, pengurusan jenazah, penghayatan Islam, kelas fardhu ain, membaca al-Quran, serta konvensyen khas untuk muafak. Program ini dipantau oleh pegawai terlatih bagi memastikan keberkesanan, manakala kelas fardhu ain dan membaca al-Quran diadakan secara konsisten setiap hujung minggu (Sharifah Sari et al., 2022). Kerjasama antara JAIN, MAIN, dan NGO turut memainkan peranan penting, khususnya dalam penyelarasan silibus dan penyebaran maklumat di kawasan pedalaman, sekaligus menampung kekurangan tenaga pengajar dan memastikan kelas bimbingan muafak dapat diadakan di bandar dan luar bandar dengan lebih berkesan. Informan #4 turut berkongsi bahawa keputusan untuk memeluk Islam dibuat setelah bertemu dengan seorang pendakwah daripada HCF. Menurut beliau;

"Pendakwah dari HCF mendekati saya dengan baik dan menjelaskan tentang Islam. Pertemuan ini akhirnya telah mendorong saya untuk memeluk agama Islam."

Kerjasama yang dinamik antara agensi kerajaan dan NGO, termasuk usaha pendakwah daripada organisasi seperti HCF, jelas menunjukkan betapa pentingnya sinergi dalam memastikan keberkesanan dakwah kepada muafak di Sabah.

Pembacaan Dan Pengkajian

Kesempatan mengikuti pelajaran agama Islam memungkinan pelajar non-Muslim mengetahui beberapa konsep asas dalam agama Islam. Pengalaman turut serta dalam kelas pengajian agama Islam, seperti bertanya kepada ustaz, menunjukkan wujud rasa ingin tahu para muafak terhadap intipati ajaran agama Islam. Pengkajian merangkumi aspek yang luas, antaranya mengkaji tentang konsep-konsep agama Islam, tingkah laku komuniti Muslim, dan amalan-amalan rutin yang dilakukan oleh seorang Muslim. Menurut Azaruddin dan Khadijah (2015), ramai yang memeluk Islam bertitik tolak dari keinginan untuk mengkaji tentang agama Islam. Pendapat ini selari dengan kenyataan informan #3;

"Semasa di sekolah rendah, saya berpeluang mengikuti kelas Pengetahuan Agama Islam. Di situlah saya mula mengenali dan belajar tentang asas-asas Islam. Pengalaman itu membuka hati saya untuk mengetahui lebih lanjut tentang agama Islam dan akhirnya memeluk Islam."

Kajian lain yang telah dilakukan oleh Pg Ismail (2010) mendapati antara faktor utama yang mendorong golongan muafak memeluk Islam ialah kefahaman dan kebenaran Islam. Hal ini berlaku selepas muafak tersebut melalui proses pembacaan dan penyelidikan tentang agama Islam. Penemuan dalam kajian lain yang telah dilakukan oleh Majid, Abdullah dan Ismail (2017) mendapati bahawa pendedahan media dan pembacaan mereka berkaitan Islam juga telah menjadi faktor utama yang mendorong mereka memeluk Islam. Dapatan ini selaras dengan pengalaman yang dilalui oleh informan #7 yang menceritakan;

"Saya suka mendengar bunyi azan yang berkumandang di televisyen. Keindahan dan ketenangan bunyi azan itu membuatkan saya mula membaca artikel berkaitan Islam di surat khabar dan majalah-majalah. Selepas membaca dan memahami lebih mendalam, saya tertarik dengan ajaran Islam dan akhirnya memutuskan untuk menjadi seorang Muslim."

Sebagai tambahan, informan #5 berkongsi pengalamannya;

"Pengkajian saya terhadap Bible membawa kepada penemuan ajaran Tuhan Yang Esa, yang ternyata selaras dengan konsep Tauhid dalam Islam. Saya juga tidak menemui ajaran Trinititi dalam Bible, dan selepas mengkaji lebih mendalam, saya akhirnya memilih untuk memeluk Islam."

Pengkajian dan pembacaan tentang agama Islam, sama ada melalui pendidikan formal, pengalaman peribadi, atau pendedahan media, menjadi faktor penting yang membuka hati dan mendorong individu untuk memeluk Islam.

CABARAN MUALAF DI SABAH

Proses Pengislaman Yang Sukar

Walaupun proses pemeluk Islam hanya memerlukan ucapan dua kalimah syahadah dan saksi, pendaftaran sebagai Muslim memerlukan prosedur perundangan tambahan. Setiap negeri di Malaysia melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bertanggungjawab mengurus hal ehwal agama Islam, termasuk menyelia proses pemeluk Islam dan memberi sokongan kepada mualaf. Mereka memastikan proses ini mematuhi undang-undang, menyediakan bimbingan, pendidikan, dan melaksanakan dokumentasi yang diperlukan. Namun, mualaf sering menghadapi cabaran semasa melalui proses ini. Informan #4 berkongsi pengalaman;

"Saya tinggal di kawasan pedalaman, jadi agak susah untuk urus pendaftaran rasmi sebagai seorang Muslim. Tetapi, pendakwah dari HCF banyak membantu saya, termasuk menyediakan pengangkutan untuk memudahkan urusan."

Para mualaf seringkali menghadapi pelbagai cabaran ketika melalui proses pemeluk agama Islam di bawah JAIN. Proses ini seringkali dianggap rumit dan memakan masa kerana terdapat pelbagai syarat dan prosedur yang harus dipenuhi sebelum seseorang dapat mengucap dua kalimah syahadah secara rasmi. Hal ini dapat menyebabkan mualaf merasa tertekan dan mempengaruhi pengalaman mereka dalam menjalani transisi ke agama Islam (Azman et al., 2015). Proses yang rumit ini boleh menjadi halangan bagi mereka yang ingin memeluk agama Islam dan memerlukan sokongan yang lebih baik untuk memastikan mereka dapat melalui proses ini dengan lancar dan tanpa kesulitan.

Pada masa yang sama, sering timbul isu berkaitan pentadbiran pendaftaran mualaf akibat kelemahan sistem pendaftaran (Sharifah Hayati & Nurhidayah, 2023). Ada yang terpaksa berulang kali ke pejabat agama kerana tidak memenuhi syarat, seperti pemilihan saksi dan sebutan kalimah syahadah dengan betul. Mualaf yang baru memeluk Islam sering menghadapi kesukaran menyebut kalimah Arab. Oleh itu, JAIN disarankan mempermudah syarat tertentu bagi memudahkan proses pendaftaran mereka sebagai Muslim.

Tekanan Emosi Dan Psikologi Dalam Suasana Hidup Baharu

Lazimnya para mualaf akan melalui beberapa fasa gangguan emosi dalam proses untuk membiasakan diri dalam kehidupan sebagai seorang individu muslim dan ia memerlukan suatu tempoh masa tertentu. Mereka menghadapi gangguan dari segi emosi dan mental lantaran kejanggalan suasana hidup baharu dalam agama yang baharu. Sebahagian daripada mualaf menghadapi masalah kurang motivasi diri setelah memeluk agama Islam (Syarul Azman, 2017). Mereka juga mengalami tekanan psikologi sebelum dan selepas membuat keputusan memeluk Islam (Kamarulzaman, 2020).

Seterusnya menurut Rosmani Hussin (2004), antara masalah dalaman yang serius dialami oleh golongan mualaf adalah perasaan rendah diri dalam agama baharu. Beberapa

faktor yang mendorong kepada perasaan tersebut adalah kerana tidak mengetahui ilmu asas agama terutamanya ilmu fardhu ain seperti tatacara solat, membaca al-Quran, dan lain-lain (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Sebagai contoh, ada di kalangan mualaf yang berkeinginan untuk mempelajari al-Quran namun tidak bersedia untuk bersosial dengan masyarakat Islam sekitar disebabkan timbulnya perasaan malu.

Kesukaran Menyesuaikan Cara Hidup Islam

Mualaf sering berhadapan masalah untuk menyesuaikan diri dengan cara hidup dalam agama yang baharu. Menurut Nur A'thiroh (2021), setelah seseorang mualaf memeluk Islam, maka akan wujud sesuatu perubahan dalam dirinya dan sudah pasti menzahirkan perbezaan-perbezaan dalam kehidupannya. Ini bermakna sebelum dan selepas pemelukan ke agama Islam mualaf akan menghadapi corak dan gaya kehidupan sebagai seorang Muslim.

Seseorang Muslim ditaklifkan dengan segala hukum syarak setelah selesai mengucap dua kalimah syahadah. Mereka sebelumnya terbiasa dengan agama asal mereka yang kurang mempunyai peraturan ketat (Kamarulazman, 2020). Hampir semua jenis makanan boleh dimakan tanpa memikirkan sumber, cara sembelihan, atau kandungan alkohol. Namun, setelah memeluk Islam, mereka perlu memahami hukum hakam yang ditetapkan untuk memastikan amalan mereka selaras dengan syarak. Demikian juga kewajiban kewajiban sembahyang lima waktu sehari semalam, menutup aurat dan puasa Ramadhan sesuatu yang baharu dalam kehidupan mualaf (Zaifuddin Md Rasip, 2024).

Menurut Nor Arfah dan Abd Hakim (2022), Mualaf biasanya kurangan pengetahuan asas tentang amalan Islam, seperti solat dan bacaan Al-Quran, yang menyebabkan rasa rendah diri Mualaf. Mereka juga ada masalah untuk menyesuaikan diri dengan pakaian, dan adat resam dengan ajaran Islam, yang boleh menyebabkan mereka merasa segan berinteraksi dengan masyarakat Islam yang telah lama memeluk agama Islam. Razaleigh (2016) mengenal pasti cabaran utama sebagai kesukaran istiqamah, membezakan budaya dengan ajaran Islam, dan menyebut huruf Arab samada dalam solat atau mengaji al-Quran.

Tentangan Dari Pihak Keluarga

Mualaf sering menghadapi tentangan daripada keluarga terdekat apabila mereka memeluk Islam (Mutia Ulfa & Na'imah, 2020). Kebanyakan keluarga sukar menerima keputusan anak mereka untuk menukar agama, dan hati mereka belum terbuka untuk memahami atau menerima kenyataan tersebut (Siti Aishah Yahya et al., 2021). Cabaran bukan sahaja dari aspek emosi dan mental, tetapi juga kesan akibat dari deraan fizikal. Misalnya, mualaf dikurung dalam bilik dan rumah, dipukul dan sebagainya. Semua itu dilakukan oleh keluarga yang menentang pengislaman mereka (Nur A'thiroh, 2021).

Dalam beberapa kes yang lebih serius, mualaf mungkin dihalau keluar dari rumah atau tidak diterima oleh ibu bapa mereka. Mereka juga mungkin tidak mendapat sokongan moral dari keluarga, dilarang tinggal bersama, atau diperli oleh keluarga mertua yang sudah memeluk Islam (Azman et al., 2015). Menurut Razaleigh (2016), ada keluarga yang merampas hak pewarisan harta pusaka, dan dalam kes yang lebih teruk ialah ancaman bunuh. Islamofobia juga menjadi salah satu sebab utama tentangan keluarga terhadap pengislaman mualaf. Mualaf sering dianggap oleh ahli keluarga mereka sebagai pengikut penganas dan dianggap telah mengkhianati keluarga serta mencemarkan keturunan mereka (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Informan #1 berkongsi pengalaman;

"Saya memeluk Islam kerana perkahwinan, namun cabaran besar yang saya hadapi adalah tentangan daripada keluarga. Mereka sukar menerima keputusan saya dan menganggap saya telah mengkhianati keluarga. Perasaan ini menjadi ujian besar dalam perjalanan saya memeluk Islam."

Sikap Masyarakat Terhadap Mualaf

Proses memeluk Islam mengubah gaya hidup mualaf dan menimbulkan pelbagai persepsi dalam kalangan masyarakat, sama ada daripada keluarga Islam mahupun bukan Islam. Kajian Kamarulzaman dan Nur A'thirah (2020) mendapati bahawa mualaf sering menerima persepsi negatif, termasuk syarat dari sesetengah umat Islam agar mereka sepenuhnya mengamalkan cara hidup Islam, termasuk budaya Melayu, untuk diterima. Hal ini boleh mencetuskan salah faham apabila mualaf cuba menyesuaikan diri dengan identiti baharu mereka (Tengku Norhayati, 2006). Informan #5 berkata;

"Saya pernah dipandang sinis oleh orang Islam kerana tatu di muka saya. Saya dapat rasakan mereka tidak selesa dengan penampilan saya."

Mualaf sering dianggap sebagai golongan kelas rendah atau kelas kedua dalam masyarakat, bahkan dipinggirkan oleh sesetengah umat Islam yang lebih mengutamakan mereka yang dilahirkan sebagai Muslim. Mereka juga menghadapi tuduhan bermotif tersembunyi, seperti "mahu menjadi Melayu" (Kamarulzaman & Nur A'thirah, 2020). Namun, ramai mualaf memeluk Islam dengan niat ikhlas kerana kepercayaan yang tulus (Azarudin et al., 2022). Malangnya, layanan buruk daripada sebahagian umat Islam boleh membuatkan mereka mempertimbangkan untuk kembali kepada agama asal (Siti Aishah et al., 2021).

Masalah Kewangan

Ramai para mualaf menghadapi masalah kewangan dalam kehidupan baharu mereka. Terdapat pelbagai sebab mereka menghadapi masalah kewangan. Sebahagian mereka sebelumnya mendapat bantuan kewangan daripada keluarga, namun selepas memeluk Islam bantuan tersebut disekat sepenuhnya (Razaleigh, 2016), kehilangan pekerjaan, atau kematian suami. Sebagai balu yang menjadi ibu tunggal, mereka terpaksa menyara keluarga, menyebabkan kekangan masa untuk menghadiri kelas bimbingan mualaf (Azman et al., 2015).

Kajian Asma' dan Azarudin (2020) mendapati ada mualaf sering risau tentang kewangan, terutama ketua keluarga. Kehilangan punca pendapatan juga berlaku kerana pekerjaan haram sebelum Islam dan salah di sisi syarak seperti bekerja di kedai judi, kedai penjualan arak, kelab-kelab malam, dan sebagainya. Informan #7 menceritakan pengalamannya;

"Saya berhenti kerja sebagai penyanyi kelab malam setelah memahami ajaran Islam, kerana saya sedar pekerjaan itu tidak sesuai dengan prinsip agama yang baru saya anuti."

Sebahagian mualaf pula terpaksa berhenti kerja setelah memeluk Islam kerana mendapat tentangan kuat daripada majikan yang bukan beragama Islam (Siti Fatimah et al., 2018). Mualaf turut kehilangan tuntutan harta pusaka daripada keluarga bukan Islam akibat kebencian keluarga terhadap Islam (Kamarulzaman & Nur A'thirah, 2020).

Kurang Penghayatan Agama

JHEAINS dan NGO menyediakan kelas bimbingan untuk mualaf, namun ramai gagal menghidungnya dengan pelbagai alasan. Akibatnya, mereka memiliki pengetahuan agama yang terbatas, yang boleh menyebabkan salah faham tentang akidah Islam atau kembali kepada agama asal (Mohd Farhan, 2006). Menurut Asma' dan Azarudin (2021), pengetahuan Islam yang terhad memberi kesan negatif, termasuk kepada anak-anak mualaf yang tidak mendapat didikan agama asas seperti solat, membaca al-Quran, dan puasa. Abd Hakim et al. (2016) mendapati bahawa kekurangan pemahaman tatacara ibadah menyukarkan mualaf melaksanakan tuntutan Islam, sementara Sarip Adul (2014) menyatakan ramai mualaf tidak memahami istilah asas fiqh.

Suraya et al. (2018) menekankan bahawa sikap dan keperibadian muallaf turut menjadi faktor, termasuk kurangnya inisiatif mencari ilmu, sikap acuh tak acuh terhadap ajaran Islam, dan pasangan yang gagal memberikan bimbingan. Informan #6 berkata;

"Saya sibuk dengan kerja dan mengurus keluarga, jadi saya tidak sempat nak pergi ke kelas pengajian untuk belajar lebih banyak tentang Islam."

Selain itu, komitmen kerja dan tanggungjawab keluarga juga menghalang mereka menghadiri kelas bimbingan (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Oleh itu, cabaran utama dakwah di Sabah bukanlah penolakan daripada bukan Muslim, tetapi memastikan pendidikan Islam dapat diberikan kepada muallaf agar mereka dapat menghayati dan mempraktikkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian (Abd Hakim Mohad et al., 2016).

Kesukaran Ke Majlis Ilmu

Keadaan geografi di Sabah di mana muallaf yang tinggal di kawasan pedalaman menghadapi cabaran besar dalam aksesibiliti, terutama untuk muallaf yang ingin menghadiri kelas agama yang disediakan pihak JHEAINS di bandar (Nor Arfah & Abd Hakim, 2022). Jarak yang jauh, kos yang tinggi, tidak mempunyai kenderaan sendiri dan kekurangan pengangkutan awam menyukarkan lagi mereka untuk pergi ke tempat pengajian. Informan #2 menyatakan;

"Saya sangat jarang pergi ke kelas pengajian kerana menghadapi masalah kenderaan dan jarak tempat tinggal saya yang jauh daripada kelas pengajian."

Pada waktu tertentu berlaku keadaan cuaca buruk seperti hujan lebat dan banjir boleh memutuskan laluan darat akan menyukarkan untuk mereka menghadiri kelas agama secara konsisten. Keterbatasan ini menyulitkan muallaf mendapatkan pendidikan agama yang sewajarnya untuk memperkukuhkan keimanan dan pemahaman mereka terhadap Islam.

Menurut Aliakbar dan Rasip (2024), masalah kemudahan asas yang kritikal seperti masalah bekalan air, keadaan jalan yang teruk, masalah bekalan elektrik, dan juga lokasi geografi yang jauh turut menjadi punca yang menyebabkan program pendidikan Islam amat kurang diadakan di kawasan luar bandar. Situasi ini memerlukan pihak kerajaan dan NGO menghantar guru-guru agama kawasan-kawasan pedalaman untuk memberikan pendidikan agama yang sepatutnya kepada mereka.

Kekurangan Tenaga Pengajar Tempatan

Walaupun agensi kerajaan seperti JHEAINS, MUIS, YADIM dan JAKIM bersama dengan badan-badan dakwah NGO ada menyediakan kelas-kelas bimbingan Islam di kawasan pedalaman, namun mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan tenaga pengajar rakyat tempatan yang lebih memahami keperluan dan budaya setempat. Hal ini menyebabkan berlakunya kerumitan dan masalah dalam memberikan bimbingan yang sempurna kepada saudara-saudara baharu (Abd Hakim & Ros Aiza, 2016).

Menurut Kamarul Azman dan Nur A'thirah (2020), golongan muallaf lebih mudah menerima dakwah yang disampaikan oleh pendakwah tempatan kerana mereka memahami budaya dan konteks sosial setempat dengan lebih baik dan yang lebih penting memudahkan komunikasi dengan bahasa etnik masing-masing. Aksesibiliti yang lebih tinggi kepada pendakwah tempatan dan keserasian sosial juga menyokong penerimaan yang lebih baik dalam kalangan muallaf. Lantaran itu agensi agama kerajaan dan badan dakwah NGO perlu mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar dengan melatih pendakwah daripada pelbagai suku kaum di kalangan pribumi di Sabah (Zaifuddin Md Rasip, 2024).

Dipertikaikan Niat Pengislaman

Salah satu isu besar yang dihadapi oleh mualaf ialah sikap prejudis dalam kalangan masyarakat Islam, yang sering mempersoalkan keikhlasan mereka dalam memeluk agama Islam. Azaruddin dan Khadijah Mohd (2015) menyatakan bahawa terdapat bahagian masyarakat Islam yang mempertikaikan matlamat sebenar mualaf untuk memeluk Islam. Mereka lebih cenderung untuk berfikir bahawa faktor untuk mendapatkan bantuan kewangan mungkin menyumbang kepada keputusan tersebut. Walaupun mualaf mungkin berhasrat untuk mendapatkan zakat atau bantuan kewangan daripada Baitulmal, adalah penting untuk diingat bahawa setiap orang mempunyai motivasi yang berbeza (Zaifuddin Md Rasip, 2024). Oleh itu, adalah wajar bagi komuniti untuk bersikap terbuka dan menerima, dan menghormati pilihan mualaf tanpa prejudis. Dibandingkan dengan mempertikaikan sebab di sebaliknya keputusan mereka, penghargaan terhadap perjalanan spiritual mereka sepatutnya menjadi tumpuan utama.

Namun begitu, kajian Nur A'thiroh (2021) mendapati bahawa kebanyakan mualaf yang baru memeluk Islam sering tidak tahu tentang sistem zakat yang dikhususkan untuk mereka. Oleh itu, masyarakat Islam tidak sepatutnya mempertikaikan hasrat mualaf untuk memeluk Islam kerana matlamat utama dakwah adalah untuk mengislamkan mereka dan kemudian memberikan mereka bimbingan dan panduan yang mereka perlukan. Selain itu, masyarakat juga perlu bertindak sebagai role model yang baik untuk memperkukuh pengislaman mualaf. Pendekatan ini memupuk hubungan mualaf dengan masyarakat Muslim yang lebih besar dan perasaan mereka diterima dalam komuniti agam baharu.

PENUTUP

Peningkatan jumlah mualaf di Sabah menunjukkan perubahan besar dalam lanskap keagamaan negeri ini. Peningkatan ini disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk aktiviti dakwah yang aktif, keindahan akhlak Islam, perkahwinan campur, dan kerjasama antara agensi kerajaan serta badan dakwah NGO. Namun, mualaf masih menghadapi pelbagai cabaran dalam menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu mereka sebagai Muslim.

Salah satu cabaran utama ialah birokrasi yang kompleks dalam proses pengislaman di Sabah. Prosedur yang rumit ini boleh menyukarkan pendaftaran dan pelaksanaan urusan agama, menjejaskan pengalaman mualaf dalam integrasi ke dalam masyarakat Islam. Oleh itu JHEAINS perlu memperkemaskan dan mempermudah proses pemelukan Islam seseorang mualaf. Mualaf juga sering menghadapi tekanan emosi dan psikologi, seperti rasa rendah diri, dan kekurangan pengetahuan agama yang boleh mempersulit penyesuaian mereka. Agensi kerajaan dan badan dakwah NGO perlu menyediakan sokongan psikososial yang lebih baik serta program mentoring yang komprehensif untuk membantu mualaf mengatasi cabaran ini.

Selain itu, mualaf mungkin mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan amalan Islam harian seperti solat lima waktu, menutup aurat, dan berpuasa Ramadan. Oleh itu, kursus pendidikan agama yang praktikal dan berfokus pada amalan sehari-hari perlu diperkenalkan, serta kelas yang fleksibel dan mudah diakses. Kesukaran mengakses kelas pengajian agama menyukarkan mualaf dalam memperdalam ilmu agama mereka. Justeru itu program pendidikan dan kelas pengajian yang berterusan dan mudah diakses oleh mualaf di seluruh Sabah adalah penting untuk memastikan mualaf mendapat ilmu yang diperlukan. Kekurangan tenaga pengajar tempatan yang berkelayakan juga menjadi masalah. Oleh itu, latihan dan pengembangan profesional untuk tenaga pengajar serta sokongan tambahan dari badan dakwah adalah perlu.

Antara cabaran yang dihadapi oleh mualaf ialah tentangan daripada pihak keluarga dan masalah kewangan seperti disekat batuan kewangan oleh keluarga dan kehilangan pekerjaan. Justeru itu bantuan daripada agensi kerajaan amat diperlukan. Pemberian bantuan kewangan atau peluang pekerjaan boleh membantu meringankan beban yang dihadapi oleh mualaf, agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik dalam kehidupan baharu mereka tanpa tekanan kewangan yang berat.

Walaupun terdapat peningkatan jumlah mualaf di Sabah yang menunjukkan minat terhadap Islam, namun demikian cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mualaf memerlukan perhatian dan tindakan yang lebih menyeluruh daripada semua pihak. Pendekatan yang lebih teratur dalam menangani isu-isu ini, seperti memperbaiki proses birokrasi, menyediakan sokongan emosional dan pendidikan yang lebih baik, serta meningkatkan akses kepada sumber dan pengajaran, adalah penting untuk memastikan kejayaan dan kesejahteraan mualaf dalam perjalanan keagamaan mereka.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Sains Islam Malaysia yang telah memberikan Geran Kolaborasi Penyelidikan Dengan Institusi GKP 2307 untuk membiayai kajian ini.

RUJUKAN

Buku

- Cesar Adib Majul. (1973). *Muslim In the Philippines*. Quezon City: The University of the Philippines Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, M. A., Abdullah, M. Y. M., & Ismail, S. (2017). Faktor Dorongan Mualaf Memeluk Islam: Kajian di Negeri Selangor. Dalam *Multidisplin Ilmu Penyelidikan*. eds. Hamid, N. F. A., Ahim, R., Norul 'Azmi, N., Zainal Arifin, A. N., Ramli, N., & Abdullah, Z., 234-247. Brunei: UNISSA Press.
- Mohd Farhan Abdullah. (2006). *Kristianisasi Dan Gejala Murtad Di Malaysia*. Selangor: Al-Khidmah Resources.
- Muhiddin, Y. (1990). *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaifuddin Md Rasip. (2024). *Dakwah dan Mualaf Di Sabah: Cabaran, Kejayaan, Dan Sinergi Dakwah*. Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam UMS.

Jurnal

- Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2021). Metod Dakwah Dalam Pengislaman Di Sabah Sebelum Era Penguasaan British Crown Colony. *Jurnal Usuluddin*, 49(1), 1-26.
- Abd Hakim Mohad, Kasim Mansur & Ros Aiza Mohd Mokhtar. (2016). Dakwah Islam Di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal. *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(2), 151-166.
- Aliakbar, M. Z. A. (2024). Faktor Pertambahan Mualaf Di Negeri Sabah: Satu Sorotan, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(61), 608 – 617.
- Aliakbar, M.Z.A. & Rasip, M.Z. (2024). Cabaran Mualaf di Malaysia dan Cadangan Penyelesaian, *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 121-132.
- Asma' Fakhruddin & Azarudin Awang. (2020). Sorotan Literatur Terhadap Cabaran Pendidikan Islam Anak-Anak Mualaf Di Malaysia. *Jurnal Al-Irsyad*, 5(2), 444-455.
- Azaruddin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. (2015). Faktor pemelukan Agama Islam: Kajian terhadap komuniti saudara Muslim Cina di negeri Terengganu. *MANU*, 22, 21-45.
- Azman A.R., et. al. (2015). Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman Dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian Di Negeri Sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research (JFATWA)*, 6(1), 135-148.
- Irwan Mohd Subri et. al. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf Dalam Kalangan Mualaf Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6(1), 114-115.
- Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao. (2020). Isu Dan Cabaran Saudara Kita Di Jabatan Agama Islam Sarawak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 28- 43.

- Khairulnazrin Nasir & Muhammad Syafee Salihin Hasan. (2018). Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Al-Quran, *Jurnal Pengajian Islam*, 11(2), 80-93.
- Mariam A. M. & Ab Aziz M. Z. (2020). Mualaf Dan Dorongan Pengislaman. *Jurnal KIAS*, 10(1), 92-113.
- Mohd Aswan Mohd Amin & Abdul Ghafar Don. (2021). Peranan Organisasi Islam Dalam Gerakan Dakwah Mualaf Di Sabah. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(2), 42-52.
- Mohd Nur Hidayat, Pg Mohd Faezulfikri & Noor Afiqahathirah. (2020). Tun Mustapha Dan Pengukuhan Islam Di Sabah: 1963 – 1973. *Akademika*, 90(1), 181-191.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin et. al. (2021). Gerakan Dakwah Dan Impaknya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 125 - 139.
- Mutia Ulfa & Na'imah. (2020). Peranan Keluarga Dalam Konsep Psikologi Perkembangan Anak Usia Dini, *Aulad: Journal on Early Childhood*, 3(1), 20- 28.
- Ning Amirah Malinda Binti Jominal. (2020). Pola Dakwah Lilis Mulyani Terhadap Muallaf Di Sabah Malaysia. *ANIDA (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah), Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung*, 20(2), 146-164.
- Nur Azian Artini & Nur Farhana Abdul Rahman. (2022). Kajian Sensitiviti Agama: Tinjauan Awal Di Sabah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 182-200.
- Sharifah Hayati Syed Ismail & Nurhidayah Mohamed Hamidi. (2023). Sejarah Perkembangan Dan Isu Pentadbiran Pendaftaran Saudara Baru Di Malaysia: Kajian di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 3(2), 142-164.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. (2018). Pengurusan Mualaf Di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122.
- Siti Aishah Yahya, Norhasima Abdullah, Suzyliana Mamat, Atini Alias & Nor Azilah Johari. (2021). Hubungan Penghayatan Agama Dan Sokongan Sosial Terhadap Tekanan Dalam Kalangan Mualaf Di Melaka. *Jurnal 'Ulwa*, 6(1), 22-38.
- Suraya Sintang. (2005). Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah : Peranan Dan Sumbangan United Sabah Islamic Association (USIA). *Jurnal Al-Tamaddun*, 1, 51-90.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Siti Aidah Hj. Lukin & Halina Sendera Mohd. Yakin. (2019). Fenomena Agama Di Pedalaman Sabah, *Journal of History Department, University of Malaya*, 28(2), 187-199.
- Suraya Sintang, et al. (2018). Saudara baru di Sabah: Isu dan Permasalahan Masakini. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 30, 140-160.
- Syamruddin Nasution & Abd. Ghofur. (2017). Perkembangan Islam Di Sabah Malaysia (Perspektif Sosio-Historis). *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama*. 9(2), 152-183.

Prosiding

- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Ai Pao. (2021). *Cabaran Pasca Kembali Kepada Islam Dalam Kalangan Muallaf Di Malaysia*. Prosiding Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), 195-213.
- Asma' Fakhruddin & Azarudin Awang. (2021). *Keberkesanan Pendidikan Islam Bagi Anak-Anak Mualaf: Analisis Keperluan*. 1 st International Muamalat Conference (I-MAC).
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Ibnor Azli Ibrahim. (2019). *Tun Mustapha Dan Peranannya Terhadap Penetapan Islam Sebagai Agama Rasmi Negeri Sabah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS), 353-361.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Ibnor Azli Ibrahim. (2017). *Migrasi Dan Impaknya Terhadap Kepelbagaian Etnik Islam Di Sabah*. Proceedings The 6th

- International Conference on Social Sciences and Humanities.
- Nor Arfah Mohd. Mazlan & Abd Hakim Mohad. (2022). Cabaran Mualaf Dalam Membina Kehidupan Baharu: Satu Kajian Kes Di Mukah, Sarawak, Malaysia. *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET 2022)*, 19 Oktober 2022, 330-344.
- Pg Ismail Pg Musa. (2010), Prosedur Pemelukan Islam Bagi Tujuan Perkahwinan Di Negeri Sabah: Kajian Kes Umi Kalthum Hwa Abdullah @ Hwa Fui Sun Dengan Ketua Pendaftar Muallaf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, *Prosiding Seminar Kebangsaan Saudara Kita: Isu Dan Cabaran Semasa, USM: Bhg. Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*. 9 Oktober 2010.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2016). Pembangunan Dakwah Muallaf Di Malaysia: Cabaran Dalam Masyarakat. *1 st International Keynote Speech on Mualaf Development and Empowerment (DE MUALAF)*. 17 Mei 2016.
- Sarip bin Adul. (2014). Sumber Pengetahuan Beragama Dan Tahap Kefahaman Muallaf Di Bahagian Pantai Barat Sabah. *Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia*. 20 November 2014.
- Sharifah Darmia binti Sharif Adam. (2020). Pengaruh Budaya Dalam Keharmonian Etnik Di Sabah, *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. 24 & 25 November 2020.
- Sharifah Sari D. A, Musauyadah A., Siti Saidtulakmal A., & Masnih M. (2022). Permeksaan insitituti dakwah di Sabah, *Proceeding Borneo Islamic International Conference*, 101-107.
- Siti Fatimah, Nadhirah Nordin, Siti Khatijah Ismail & Siti Hajar Mohamad Yusoff. (2018). Cabaran Dan Implikasi Pengurusan Dokumentasi Saudara Baru. *International Seminar On Al-Quran In Contemporary Society 2018, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)*. 15 September 2018.
- Syarul Azman Shaharuddin, Hanis Najwa Shaharuddin, Muhammad Yusof Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra & Akmal Syazana Fauzan. (2017). Cabaran Dan Permasalahan Mualaf Dan Penyelesaiannya Oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). *Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi & Pemikiran (ISRA' 2017), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*.

Tesis

- Rosmani Hussin. (2004). *Modul bimbingan saudara baru: Kajian di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Tengku Norhayati Tengku Hamzah. (2006). *Saudara Baru Di Kelantan: Suatu kajian Mengenai Dorongan Dan Cabaran Di Kota Bharu Kelantan*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Malaysia.

Temubual

- Informan#1, ditemubual pada 21 Ogos 2024 di Kudat, Sabah.
- Informan#2, ditemubual pada 21 Ogos 2024 di Kudat, Sabah.
- Informan#3, ditemubual pada 21 Ogos 2024 di Kudat, Sabah.
- Informan#4, ditemubual pada 22 Ogos 2024 di Pitas, Sabah.
- Informan#5, ditemubual pada 22 Ogos 2024 di Pitas, Sabah.
- Informan#6, ditemubual pada 25 Ogos 2024 di Kota Kinabalu, Sabah.
- Informan#7, ditemubual pada 25 Ogos 2024 di Kota Kinabalu, Sabah.

Laman Sesawang

- JHEAINS (2024). Unit Pengislaman, Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. <https://jheains.sabah.gov.my/pengislaman-mualaf> (Diakses pada 8 Mac 2024).

Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah. (2023). Rakyat dan Sejarah Sabah.
<https://sabah.gov.my/ms/content/rakyat-sejarah> (Diakses pada 8 Mac 2024).

Portal Rasmi JAKIM (2023)

https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/Prosiding_Sistem_Pendidikan_Islam_Mualaf_di_Malaysia_2021.pdf (Diakses pada 8 Mac 2024).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.